

31 JUL 2002

Nik Aziz-Samseng

NIK AZIZ PERTAHAN KENYATAAN ALLAH LEBIH SAMSENG DAN PERLU DIGERUNI

KOTA BAHARU, 31 Julai (Bernama) -- Mursyidul Am PAS Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat hari ini tetap mempertahankan kenyataannya bahawa Allah S.W.T itu lebih samseng daripada mereka yang mendakwa samseng di dunia ini.

Beliau berkata ia berdasarkan kepada tiga nama Allah iaitu -- Al-mutakabbir, Al-jabbar dan Al-muttaqin -- yang menggambarkan Allah adalah lebih samseng daripada semua samseng yang terdapat di dunia ini.

"Tujuan saya adalah untuk menerangkan bahawa sebanyak mana manusia ini samseng, baik samseng politik atau apa pun, ada lagi yang lebih samseng daripada kita iaitu Allah S.W.T," katanya kepada pemberita di sini hari ini.

Katanya adalah tidak sukar untuk mentafsirkan ucapannya yang mengandungi istilah samseng itu kerana ia menggunakan bahasa yang mudah difahami oleh semua pihak bagi menerangkan bahawa semua umat Islam wajib melaksanakan perintah Allah dan perlu takut kepadaNya.

Nik Aziz berkata demikian bagi menjelaskan mengenai sedutan ucapannya yang disiarkan oleh Radio Televisyen Malaysia (RTM) yang mendakwa Allah itu adalah samseng.

"Bahasa adalah makhluk hidup. Saya tak guna bahasa yang digunakan 100 tahun dulu dan ia boleh berubah asalkan mesej Allah itu sampai kepada manusia," jelas beliau.

Nik Aziz berkata masyarakat Kelantan sememangnya amat gerun mengenai perkataan samseng ini dan sebab itulah beliau menggunakan istilah berkenaan bagi menggambarkan kegerunan umat Islam kepada Allah.

"Kita perlu gerun bila kita nak langgar perintah Allah, bila kita langgar bererti kita ini samseng tetapi kita kena ingat kalau kita ini samseng, Allah itu adalah lebih samseng atau lebih berkuasa daripada kita," katanya.

Menyentuh mengenai RTM yang menyiarkan sedutan ucapannya itu beliau berkata terpulang kepada stesen televisyen itu untuk berbuat demikian atas apa tujuan sekali pun.

"Ini cerita lama dan diperbesarkan oleh RTM dengan niat tak betul atau betul, wallahualam...dia (RTM) sempurnakan mesej ini dengan baik dia dapat pahala kalau dia khianat kepada mesej ini dia akan menanggung bala," katanya.

Sementara itu beliau menyifatkan langkah RTM menyiarkan kenyataan penceramah PAS, Bunyamin Yaakob yang menuduh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menonton video lucu bersama cucunya sebagai berat sebelah.

"InsyaAllah apa yang dibuat oleh RTM ini menyebabkan orang makin benci lagi kepada Barisan Nasional kerana banyak benda lain yang patut diselesaikan dahulu seperti kes Memali dan banyak lagi," katanya.

Nik Aziz yang juga Menteri Besar Kelantan turut menjelaskan mengenai laporan yang mendakwa sebuah anak syarikat Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK) - Keloil Sdn. Bhd. - kehilangan wang pelaburan sebanyak RM9 juta akibat urus niaga yang tidak mengikut prosedur.

Beliau berkata apa yang dilakukan dalam setiap urus niaga adalah melalui persetujuan anggota lembaga pengarah.

"Kalau nak tahu lebih baiklah tanya SEDC (PKINK) dan apa yang dibuat sebelum ini adalah melalui lembaga PKINK," katanya.

Ahad lepas, seorang peguam, Zaid Ibrahim membuat laporan kepada Badan Pencegah Rasuah (BPR) terhadap Keloil Sdn. Bhd.

-- BERNAMA
ZI BD RON